



12 NOV, 2022

Stesen pencawang TNB musnah dihempap batu

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Bongkah batu besar menghempap stesen pencawang TNB di Bestari Jaya, semalam.

(Foto ihsan Bomba)

Stesen pencawang TNB musnah dihempap batu

Kuala Selangor: Sebuah stesen pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) musnah selepas dihempap bongkah batu yang runtuh di ladang ternakan ayam Kampung Raja Musa, Bestari Jaya, di sini, pagi semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 11.11 pagi.

Katanya, sepasukan enam anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bestari Jaya dikeharkan ke lokasi kejadian.

“Pemeriksaan mendapati berlaku runtuhan batu besar dan mengenai pencawang TNB. Ia mengakibatkan kerosakan pada bangunan terbabit dengan anggaran kemusnahan 80 peratus, namun tidak membabitkan mangsa,” katanya dihubungi, semalam.

Pada masa sama, Norazam berkata, pihaknya turut mengarahkan pemilik ladang untuk memindahkan pekerjaannya ke lokasi lain untuk keselamatan.

“Pihak bomba bimbang berlaku runtuhan lagi kerana asrama pekerja juga berhampiran dengan lokasi runtuhan,” katanya.

◆ Pemeriksaan mendapati berlaku runtuhan batu besar dan mengenai pencawang TNB. Ia mengakibatkan kerosakan pada bangunan terbabit ◆

**Norazam Khamis,
Pengarah JBPM
Selangor**

